

Merangkumi Surah Al-Fatihah & Surah Al-Baqarah

Surah Al-Fatihah

- Teras kepada 113 surah selepasnya
Menerangkan adab seseorang dihadapan Kitabullah supaya ia memperoleh hidayah Allah S.W.T menerusi Al-Quran
- Terdapat 2 bahagian
 - 1 Pujian kepada Allah
 - 2 Menerangkan kelemahan hamba yang perlu bergantung pada Allah
- Disebut sebagai
 - Ummul Kitab (Ibu kepada Al-Quran)
 - Sab'u al- Mathani (7 ayat yang diulung dalam solat)
- Surah ini memberi gambaran mengenai Al-Quran yang membicarakan tentang:

Tauhid
 Kauniyah
 Akhirat
 Ibadah
Syariah
 Taghrib
 Tarhib

Surah Al-Baqarah

Menceritakan pertembungan antara golongan **An 'amta 'alaihim (golongan yang diberikan nikmat)** & **al-Mardhub 'alaihim (golongan yang dimurkai)** yang disebut di akhir Surah al-Fatihah.

Pertembungan ini berlaku antara:

INDIVIDU	GENERASI
Nabi Adam & Iblis Laknatullah	Nabi Musa & Bani Israil

- Nama Al-Baqarah berkait dengan kareneh **Bani Israil** yang tidak beriman dan mentaati **Nabi Musa**.
- Ayat 1-5 menunjukkan kualiti golongan orang yang diberikan nikmat dan mereka inilah orang yang berjaya.
- Ayat 6-7 adalah mengenai mereka yang kafir.
- Ayat 8 dan seterusnya menceritakan tentang golongan munafik.
- Ayat selebihnya membicarakan tentang mereka yang diberikan kitab tetapi tidak beriman kepada **Nabi Musa**.



1

Perintah Allah kepada Rasulullah untuk **pertukaran kiblat** dari **BaitulMaqdis ke Kaabah**

Membuka mata orang kafir Quraisy bahawa Islam tidak menafikan kehebatan & Kemuliaan Mekah.

Membina **cara fikir baru** kerana Masyarakat Mekah memandang tinggi orang-orang Yahudi sehingga mereka menjadi tempat rujukan. Perpindahan kiblat memalingkan fokus masyarakat dari Bani Yahudi ke Bani Ismail.

Kepentingan ikhlas & jujur dalam beribadah kepada Allah walaupun berlakunya pertukaran kiblat.

SINOPSIS JUZUK 2

#Tadabbur30

2

Turunnya beberapa hukum iaitu **Haji, Ekonomi dan Jenayah.**

3

Bukti **kepentingan bulan Ramadhan** & mengapa umat Islam perlu **berpuasa**. Malahan, **Al-Quran** diturunkan dalam bulan Ramadhan.

4

Kisah **Talut & Jalut** yang memberi mesej bahawa Islam menekankan **kualiti berbanding kuantiti**

SINOPSIS JUZUK 3

#TADABBUR30
OLEH: USTAZ SYAHMI SYAZERIL AZMI



Kombinasi antara **penghujung** Al-Baqarah & **permulaan** Ali-Imran

Bermula dari Al-Baqarah, 2:253 sehingga Ali-Imran, 3:91

SURAH AL-BAQARAH

- Allah kembali memuji kualiti-kualiti orang beriman yang telah disebutkan di awal surah
- Orang yang beriman kepada **perkara ghaib**
- Orang yang menunaikan **solat**
- Orang yang menunaikan **zakat**
- Orang yang **berinfaq** di jalan Allah

SURAH ALI-IMRAN

Untuk mendapat **kemuliaan** seperti keluarga Imran hendaklah **berpegang teguh keimanan** kepada Allah & Kitab

Ayat 1-30 menerangkan kepentingan **persiapan rohani** untuk sentiasa bersedia menghadapi pelbagai situasi

Ayat 30 dan akhir, Allah menjelaskan kepentingan **mengurus satu-satu kemenangan**

AYAT KURSI

1 ayat yang mengandungi 9 sub-ayat



1 & 9 Allah memperkenalkan dirinya dengan menyebut sifat-sifatNya

2 & 8 Allah tidak tidur/mengantuk maka tiada keberatan baginya untuk mentadbir langit & bumi

3 & 7 Konsep Al-Malik dan Al-Malik yang menunjukkan Allah ialah Raja dan Pemilik setiap sesuatu yang ada di langit & di bumi.

4 & 6 Berkuasanya Allah terhadap segala sesuatu dengan menyatakan tiada siapa akan mendapat pertolongan dan ilmu kecuali atas izin dan kehendak-Nya sahaja

5

Tidak ada satu apa pun yang terlepas dari pandangan & pengetahuan Allah S.W.T samada dari depan atau belakang

Surah
An-
Nisa'
(Ayat
1-23)



Surah Ali Imran
(Ayat 92-200)



Melalui surah Ali-Imran ini, Allah S.W.T mengajar manusia untuk bersabar dalam menerima takdir Allah kerana pasti ada hikmah dan kebaikan disisiNya pada setiap yang berlaku

Sebagaimana kisah:-

#tadabbur30



Sinopsis Juzuk 4

Oleh: Ustaz Syaari Ab Rahman

1

Ibu Maryam dikurniakan anak perempuan sedangkan ia berharap untuk mendapatkan anak lelaki

2

Pasukan Muslimin telah dikalahkan dalam peperangan Uhud

Bukti kebaikan:-

Tiada bayi lelaki yang mampu menyaingi Maryam & Maryam menjadi perempuan terbaik dunia

Allah S.W.T merakamkan pujian dan kemuliaan bagi mereka yang terlibat dalam perang Uhud.

#tadabbur30

SINOPSIS JUZUK 5

Oleh: Ustaz Syaari Ab Rahman

تدبر
Tadabbur Quran



Turun selepas Perang Uhud

Mengandungi cerita tentang hukum hakam dan adab dalam peperangan di pertengahan surah

Memperjelas isu-isu yang disentuh di dalam surah Ali-Imran

SURAH AN-NISA' (AYAT 24-131)

membela orang-orang yang dizalimi dan mengembalikan hak-hak mereka yang dirampas

1

kesedihan Nabi Muhammad S.A.W dan para sahabat di atas pemergian para syuhada

2

tiada hukum yang jelas mengenai hak wanita

3

kegembiraan orang-orang Yahudi di atas kemenangan kafir Mekah dalam peperangan Uhud


4

kegembiraan orang-orang munafik Madinah di atas kemenangan kafir Mekah dalam peperangan Uhud

Hukum-hakam
berkaitan
Makanan

Hukum-hakam
berkaitan
Wudhu'

Kewajipan
memenuhi janji &
tidak menjadi
golongan munafik



SURAH AL-MAIDAH

AYAT 1-82

Keringanan
untuk bertayamum
ketika dalam
kesulitan

**CIRI GOLONAN
MUNAFIK**

- Memungkiri janji
- Mengkhianati amanah
- Menipu bila berbicara

Kepercayaan
kepada
Kitab

**KISAH
TAULADAN**

- Kisah Nabi Musa & kaumnya
- Habil & Qabil

#tadabbur30

JUZUK 6

OLEH: USTAZ MUHAMMIN

Adanya ayat
menyatakan
penyempurnaan
syariat

Sinopsis Juzuk 7

Oleh: Ustaz Akram Afifi

- Surah yang menceritakan secara komprehensif mengenai akidah orang kafir Quraisy
- Mengandungi ayat yang memberi motivasi kepada Nabi Muhammad S.A.W ketika berhadapan dengan serangan & tentangan orang kafir Quraisy dan supaya Nabi terus menyampaikan dakwah

Surah Al-Maidah
Ayat 83-120

Surah Al-An'am
Ayat 1-110

Kisah Nabi Ibrahim

Surah Al-An'am
Ayat 74-79



Pembuktian
bahawa tiada
Tuhan yang
berhak disembah
selain Allah

LATARBELAKANG SURAH AL-AN'AM

- Surah Makiyyah yang bertemakan akidah
- Ayat 136 menerangkan bagaimana datangnya surah Al-An'am (kepercayaan khurafat Quraisy)
- Turun sekaligus pada 1 malam diiringi 70 000 malaikat (disebut dalam hadis)



#TADABBUR30

Surah Al-A'raf

Ayat 1-87



Surah Al-An'am

Ayat 111-165

- Amaran kepada Quraisy yang terus-menerus menyerang & menidakkan bimbingan Nabi Muhammad S.A.W.
- Allah merakamkan bahawa jalan yang lurus hanyalah dengan berpandukan Al-Quran & berhentilah memberi alasan
- Rumusan & motivasi kepada Rasulullah agar jangan takut dan gentar biarpun tentangan datang tanpa henti

Paling banyak kalimah "Qul Huwa"

Sinopsis Juzuk 8

OLEH: USTAZ SYAHMI SYAZERIL

ASALNAMA SURAH

- **Ayat 46-47** - Kisah sebilangan lelaki yang berada ditengah-tengah antara Syurga & Neraka dan dalam dilema untuk membuat keputusan
- **Ayat 46** - Al-A'raf menggambarkan dinding/tembok yang tinggi

GAMBARAN KESULURUHAN AYAT

- **Ayat 1-10** - Peringatan agar kembali beriman kepada Allah dan kenangi akibat buruk orang-orang terdahulu.
- **Ayat 11-25** - Kesungguhan Iblis menyesatkan Adam A.S & Hawa. Allah menyedarkan kita bahawa Iblis adalah musuh yang nyata.
- **Ayat 26-53** - Allah S.W.T menceritakan pertembungan antara golongan yang mematuhi Allah dan yang mengingkari Allah akan sentiasa berlaku hingga hari kiamat.
- **Ayat 54-58** - Wahyu Allah S.W.T diibaratkan seperti air yang menghidupkan tanah yang tandus.
- **Ayat seterusnya** - Allah S.W.T memaparkan kemusnahan kaum-kaum terdahulu.

Pengajaran Juzuk 8:

Menyedari kepentingan Al-Quran dalam kehidupan dan sentiasa berpegang teguh dengannya

#tadabbur30

Sinopsis Juzuk 9

Oleh: Ustaz Affuan

Surah Al-A'raf Ayat 88-206

Surah Madaniyyah yang terpanjang dalam Al-Quran dan pertama sekali disusun mengikut tertib susunan Al-Quran

Sarat dengan cerita mengenai ujian yang diterima oleh para nabi terdahulu (ditentang oleh kaum masing-masing) untuk memberi semangat dan kekuatan kepada baginda bagi meneruskan dakwah

Surah Al-A'raf dalam juzuk 9 dimulakan dengan sambungan kisah kaum Nabi Suyaib yang dimusnahkan Allah SWT

Surah yang paling panjang menceritakan peristiwa yang berlaku kepada Nabi Musa A.S. (diuji sejak kecil)

Surah Al-Anfal Ayat 1-40

Menceritakan tentang al-Anfal (Harta rampasan perang)

Surah Makiyyah yang diturunkan di Madinah selepas Perang Badar

Menceritakan dengan terperinci mengenai perang Badar

Allah S.W.T mengingatkan bahawa niat berperang ialah kerana Allah SWT & rasulNya, dan bukan kerana harta rampasan perang mahupun habuan dunia.

Surah al-Anfal
Ayat 41-75

#tadabbur30
Sinopsis Juzuk 10
Oleh: Ustaz Syaari Ab Rahman

Surah al-Tawbah
Ayat 1-93

- Membuktikan bahawa kisah sejarah pasti berulang
- Memaparkan kemenangan Rasulullah S.A.W ke atas para penyembah berhala
- Membicarakan dengan terperinci mengenai Perang Badar (berlaku pada 17 Ramadhan) sehingga surah ini dinamakan surah Badar
- Surah motivasi untuk para pejuang Islam sepanjang zaman kerana surah ini menekankan faktor kerohanian dan kedalaman iman sebagai faktor utama kemenangan.

"Surah ini turun mengiringi kemenangan ummat Islam di Badar untuk menjelaskan bagaimana Qadar Allah SWT itu bekerja dan kedudukan upaya manusia pula. Surah ini menegaskan bahawa kemenangan yang diberikan oleh Allah SWT kepada kaum muslimin sebagai kemuliaan dan upah langit atas kesabaran yang telah berlangsung begitu lamanya. Sebab itulah surah ini bermula dengan memutuskan ketergantungan kaum muslimin terhadap harta rampasan perang dan menjadikan haknya kepada Allah SWT dan RasulNya" (Muhammad al-Ghazali)

- Surah yang tidak bermula dengan Bismillah
- Memaparkan perang terakhir dalam hidup Nabi Muhammad S.A.W.
- Turun selepas pembukaan Mekah & menjelang peperangan Tabuk, iaitu selepas tahun ke-8 Hijrah.
- Sebagai pengumuman peluang terakhir daripada Allah SWT untuk kaum penyembah berhala sebelum mereka diazab
- Kaum Musyikin diberikan amaran oleh Allah untuk keluar dari tanah suci sekiranya masih mensyirikkan Allah SWT walaupun setelah berlakunya keempat-empat peristiwa dibawah:-
 - > Penurunan 89 surah selama 13 tahun Nabi Muhammad S.A.W di Mekah
 - > Mukjizat bulan terbelah
 - > mukjizat Perang Badar
 - > Pembukaan kota Mekah tanpa peperangan

Sinopsis Juzuk 11

Oleh: Ustaz Hafizul Faiz

#tadabbur30

Surah Hud
Ayat 1-5

Surah Yunus
Ayat 1-109

Surah al-Tawbah
Ayat 94-129

تذکرہ
TADABBUR 30

Kepentingan bertaubat kepada Allah SWT dengan sebenar-benarnya

Kisah pembinaan Masjid Dhirar yang tidak dibina untuk tujuan yang sepatutnya

Intipati:-

- Ruang untuk kita kembali menyerahkan diri kepada Allah SWT.
- Konsisten bertaubat walaupun berulang kali melakukan kesalahan
- Yakin bahawa Allah itu Maha Pengampun

Intipati:-

- Sentiasa mengimarah masjid
- Kurangkan bercakap agar tidak menjerumuskan diri kepada perkara lagha
- Banyakkan beribadah kepada Allah SWT
- Menjauhi sikap munafiq

*"Seorang telah melakukan satu dosa, lalu dia berkata: Wahai Tuhanku ampunilah dosaku. Lalu Allah azza wa jalla berfirman: HambaKu melakukan dosa dan dia mengetahui bahawa baginya tuhan yang boleh mengampun dan menghukumnya –dalam riwayat yang lain ditambah: Aku ampunkan dosanya-. Kemudian dia kembali melakukan dosa yang lain, dia berkata: Wahai Tuhanku aku telah melakukan dosa ampunilah dosaku. Lalu Allah berfirman: HambaKu melakukan dan dia mengetahui bahawa baginya tuhan yang boleh mengampun dan menghukumnya –dalam riwayat yang lain ditambah: aku ampunkan dosanya-. Lalu dia melakukan dosa sekali lagi, dia berkata: wahai Tuhanku aku telah melakukan dosa ampunilah dosaku. Lalu Allah berfirman: HambaKu melakukan dan dia mengetahui bahawa baginya tuhan yang boleh mengampun dan menghukumnya, maka aku ampunkan hambaKu ini, buatlah apa yang kau mahu aku ampunkan engkau".
(Riwayat al-Bukhari dan Muslim)*

- Kisah kaum Yunus, satu-satunya kaum yang diutuskan Rasul yang beriman sebelum kedatangan azab
- Mengandungi 2 kisah nabi yang iaitu Nabi Musa A.S. dan Nabi Nuh A.S (Allah SWT menegaskan bahawa nabi perlu berpegang teguh dengan pendirian semasa menyampaikan kebenaran dan tidak terpengaruh dengan orang lain)

SURAH HUD

Ayat 6-123

- ➔ Dinamakan surah Hud kerana terdapat 5 kali pengulangan perkataan 'Hud'
- ➔ Allah SWT menyebut mengenai kepentingan beribadah kepadanya di permulaan surah (Ayat 2) dan juga dibahagian akhir surah (Ayat 123)
- ➔ Rasulullah SAW meninggalkan wasiatnya melalui firman Allah SWT, iaitu:-
 - Istiqamah
 - Tidak melampaui batas
 - Sentiasa menjaga solat
 - Sabar

SURAH YUSUF

Ayat 1-52

- ➔ Dinamakan surah Yusuf kerana keseluruhan kisah yang terdapat dalam surah ini adalah mengenai kisah Nabi Yusuf A.S.
- ➔ Kisah Nabi Yusuf tidak berulang dalam mana surah-surah lain
- ➔ Allah SWT sebutkan kisah Yusuf sebagai kisah yang terbaik
- ➔ Di penghujung surah, Allah SWT merakamkan bahawa, terdapat pengajaran yang dapat diperolehi daripada kisah yang diceritakan bagi mereka yang sentiasa berfikir

PERKAITAN

Kisah Nabi Ibrahim ↔ Kisah cucu Nabi Ibrahim
 Kisah Nabi Nuh & anaknya ↔ Kisah Nabi Yaakub & anaknya

Kedua-dua surah membicarakan tentang solusi kehidupan:- bersabar dengan setiap ujian yang diberikan dan bergantung harap kepada Allah SWT

Sinopsis Juzuk 13

Oleh: Dr. Azrul Azlan

Surah Yusuf Ayat 53-111

- ✓ Bermula dengan mimpi Nabi Yusuf
- ✓ Turun ketika Nabi Muhammad berhadapan dengan ujian yang getir
- ✓ Memotivasikan Nabi Muhammad melalui kisah yang dilalui oleh Nabi Yusuf
- ✓ Disebutkan kisah terbaik kerana pengakhiran setiap kisah itu baik
- ✓ Pengajaran (Kesabaran):-
 - Kesabaran Nabi Yaakub yang berpisah dengan anaknya
 - Bagaimana Nabi Yusuf bersabar apabila dibuang oleh ahli keluarganya sendiri
 - Bagaimana Nabi Yusuf bersabar apabila dihumban ke dalam penjara
 - Bagaimana Nabi Yusuf berhadapan dengan godaan wanita

Surah Ar-Ra'd Ayat 1-43

- ✓ Ar-Ra'd bermaksud guruh
- ✓ Berbicara mengenai bagaimana kita melihat kuasa Allah SWT
- ✓ Bermula dan berakhir dengan kisah orang-orang yang tidak beriman
- ✓ Tema surah: Kuatnya sebuah kebenaran dan lemahnya kebatilan
- ✓ Allah SWT menyebut bahawa dengan mengingatiNya, hati menjadi tenang (ayat 28)
- ✓ Dalam ayat 37, Allah SWT merakamkan kepentingan bahasa arab untuk memahami al-Quran

Surah Ibrahim Ayat 1-52

- ✓ Dinamakan surah Ibrahim bersempena memperingati Nabi Ibrahim A.S.
- ✓ Bermula dan berakhir dengan ayat yang menyebut tentang al-Quran
- ✓ Menjelaskan hikmah al-Quran diturunkan dalam bahasa arab; iaitu untuk mengeluarkan manusia daripada kegelapan kepada cahaya
- ✓ Terdapat banyak doa-doa yang boleh diamalkan dalam kehidupan seharian

Surah al-Hijr Ayat 1-99

- Merumuskan pertembungan kaum pendusta dengan para Rasul sepanjang zaman
- Surah Makiyyah yang turun ketika fasa 3; iaitu ketika Rasulullah SAW menghadapi tekanan fizikal dan boikot pada tahap maksimum
- Memaparkan kisah Nabi Luth, Syuaib dan Soleh A.S sebagai motivasi kepada Rasulullah SAW yang pada ketika itu kelihatan begitu letih dengan karenah Quraisy yang semakin mencabar baginda

PERJALANAN SURAH

Allah merakamkan keagungan al-Quran

Allah memaparkan alasan Quraisy yang enggan menerima dakwah nabi lalu Allah memberikan teguran kepada mereka

Allah memberitahu bahawa al-Quran akan sentiasa terpelihara sehingga hari Kiamat. Allah juga merakamkan, meskipun telah banyak mukjizat yang datang, mereka tetap kufur.

Allah menggambarkan Iblis sentiasa menyerang manusia tetapi Allah memberi jaminan bahawa Dia akan memelihara orang yang ikhlas beriman kepadanya

Kisah lain:-

- Kisah Nabi Luth
- Kisah Nabil Soleh
- Kisah Nabi Syuaib
- Kisah Nabi Ibrahim
- Kisah Ashab al-Aikah
- Kisah Ashab al-Hijr

- Nama surah ini disebut dalam ayat 68 yang bermaksud lebah
- Secara keseluruhannya, Allah SWT memberitahu bahawa Dialah yang menguruskan perjalanan alam dan Dia jugalah yang mampu menundukkan alam ini untuk memberi manfaat kepada manusia, namun begitu mengapa manusia masih lagi kufur kepadanya?
- Surah ini bermula dengan Quraisy mencabar Rasulullah SAW agar diturunkan azab
- Allah SWT memberi amaran tentang bahaya syirik
- Allah SWT menegur sikap manusia yang suka menyalahkan takdir
- Allah SWT menceritakan tentang hal ehwal azab (mengapa ditangguhkan & ancaman azab yang disediakan kepada mereka yang kufur)
- Allah SWT menggesa Rasulullah SAW untuk bertenang dan meneruskan dakwah dengan kaedah yang terbaik biarpun terlalu banyak karenah Quraisy yang perlu dihadapi, sekiranya mereka masih kufur, maka mereka akan diazab

Surah an-Nahl Ayat 1-128

Ayat pedoman:
Ayat 98

Membaca ta'awwuz sebelum mula membaca al-Quran

Surah al-Isra'

Ayat 1-111

- Surah Makiyyah
- Bermula dengan tasbih
- Gambaran kepada kitab suci Taurat
- Nabi diperjalankan dalam peristiwa Israk dan Mikraj
- Nama surah ini disebut dalam ayat 1
- Membicarakan tentang:-
 - Mengukuhkan akidah Islam
 - Kenabian
 - Menjawab sangkaan yang tidak baik terhadap Islam
 - Cara hidup bersyariat

PERJALANAN SURAH

Ayat 1-3	Peristiwa Israk & penurunan Taurat kepada Nabi Musa a.s.
Ayat 4-8	Sikap Bani Israil
Ayat 9-11	Tujuan & fungsi al-Quran
Ayat 18-21	Balasan bagi mereka yang hanya memikirkan dunia sahaja
Ayat 22-30	Hubungan dengan Allah & sesama manusia
Ayat 31-39	Sistem kehidupan yang tersusun
Ayat 61-65	Kisah Nabi Adam a.s. dan Iblis
Ayat 78	Perintah mendirikan solat
Ayat 101	9 mukjizat Nabi Musa a.s.
Ayat 110-111	Berdoa kepada Allah SWT dgn menggunakan nama-namaNya.

تدبر

www.tadabbur.com

#tadabbur30

SINOPSIS JUZUK 15

Oleh: Ustaz Affuan

Surah al-Kahfi

Ayat 1-74

- Surah Makiyyah
- Bermula dengan tahmid
- Bertemakan pengukuhan kepercayaan kepada Allah SWT
- Memaparkan kisah:-

- 1 Ashabul Kahfi
- 2 Pemilik kebun
- 3 Nabi Musa & Nabi Khidr
- 4 Dzulqarnain (disebut pada awal Juzuk 16)

SINOPSIS JUZUK 16

Oleh: Ustaz Syaari Ab Rahman

Surah Maryam

Ayat 1-98

- ★ Perjalanan hidup Maryam yang diberikan rahmat oleh Allah SWT dengan kelahiran seorang nabi yang terakhir kepada Bani Israil, iaitu Nabi Isa a.s yang akan membantu umat akhir zaman untuk menegakkan pemerintahan Islam di seluruh dunia.
- ★ Antara perkara yang akan ditemui dalam surah ini ialah pembentukan keluarga yang berteraskan pendidikan agama.

KISAH DALAM SURAH MARYAM

Kisah Nabi Zakaria a.s. & anaknya Yahya

Kisah Maryam & anaknya Nabi Isa a.s.

Kisah Nabi Ibrahim a.s berdakwah kepada ayahnya yang menyembah berhala

Kisah Nabi Ibrahim a.s dan anaknya, Ishaq dan Ya'qub

Kisah Nabi Ismail a.s. yang membangunkan institusi keluarga berteraskan solat & zakat

Kisah Nabi Idris a.s.

Surah Taha

Ayat 1-135

- ★ Memaparkan kisah Nabi Musa a.s. dengan panjang lebar
- ★ Tema penting: Membina kedamaian jiwa dengan al-Quran
 - ➔ Kisah Umar al-Khattab yang memeluk Islam
 - ➔ Kisah Nabi Musa a.s. diberi peluang untuk mendengar kalam Allah SWT di Lembah Thuwa
- ★ Surah Taha berakhir dengan Kisah Nabi Adam a.s. yang diberikan pesan oleh Allah SWT agar tidak terpedaya dengan Iblis Laknatullah sehingga menyebabkan keluarnya Nabi Adam dari syurga.

Surah al-Kahfi

Ayat 75-110

- ★ Kisah Dzulqarnain

SINOPSIS JUZUK 17

Oleh: Ustaz Akram

- ✓ Dinamakan al-Anbiya' (nabi-nabi) kerana paling banyak menghimpunkan kisah para nabi.
- ✓ Menjawab satu persatu tuduhan kaum Quraisy mengenai tauhid dan hari akhirat.
- ✓ Di penghujung surah, disebutkan bahawa kedatangan para nabi merupakan rahmat buat manusia.
- ✓ Surah Makiyyah yang turun pada fasa 3

Surah al-Anbiya'
ayat 1-112

Ayat pedoman: ayat 35

كُلُّ نَفْسٍ ذَائِقَةُ الْمَوْتِ وَنَبْلُوكُم بِالشَّرِّ وَالْخَيْرِ فِتْنَةً وَإِلَيْنَا تُرْجَعُونَ

٣٥

Setiap yang bernyawa pasti merasai mati. Kami menguji kamu dengan kesusahan dan kesenangan sebagai cabaran. Dan kepada Kami lah kamu akan dikembalikan.

- ✓ Nama surah ini disebut dalam ayat 27. Perintah kepada Nabi Ibrahim itulah yang menyebabkan baginda berjuang lebih 20 tahun untuk membersihkan Baitullah.
- ✓ Memahami kepentingan rukun Islam kelima
- ✓ Mengandungi tarbiyah musim haji
- ✓ Kaum musyrikin Quraisy akan "diuruskan" oleh Allah SWT di hari akhirat nanti.
- ✓ Perintah jihad dan mempertahankan agama daripada serangan musyrikin

Surah al-Hajj
ayat 1-78

- ➔ Surah yang unik kerana satu-satunya surah yang turun dalam berbagai-bagai keadaan dan waktu, di Madinah dan di Mekah, ketika damai dan ketika perang, malam hari dan siang hari, dan didalamnya ada ayat muhkamat dan ayat mutasyabihat.
- ➔ Surah al-Anbiya' berakhir dengan gambaran Kiamat dan dekatnya janji Tuhan itu untuk berlaku, maka surah al-Hajj bermula dengan melengkapkan gambaran Kiamat
- ➔ Surah al-Anbiya' mengenai umat terdahulu, surah al-Hajj mengenai umat sekarang.

**SURAH AL-MU'MINUN**

Ayat 1-118

- Dinamakan mu'minin kerana didalamnya dinyatakan sifat-sifat orang beriman dan ganjaran yang menanti mereka apabila beramal dengan sifat tersebut.
- Di permulaan surah: Cerita mengenai mereka yang berjaya (orang beriman)
- Di perhujung surah : Cerita mengenai mereka yang tidak berjaya (orang yang tidak beriman)
- Tema: Perbezaan antara ciri-ciri orang yang beriman & kesudahan bagi mereka yang kafir
- Surah ini juga menyebut bagaimana untuk mengenal hati yang baik & amalan yang dilakukan adalah ikhlas; iaitu apabila mendengar ayat Allah SWT, hati menjadi gentar dan terus melaksanakan perintahNya serta meninggalkan segala larangan.

SURAH AN-NUR

Ayat 1-64

- Dinamakan an-Nur kerana menyebut tentang cahaya Ilahi (wahyu Allah: al-Quran & as-Sunnah)
- Banyak berkisar tentang nilai, pergaulan & akhlak
- Terdapat kisah kesucian Saidatina Aisyah r.a
- Menjelaskan bagaimana untuk melindungi masyarakat daripada melakukan perkara yang buruk
 - ➔ Peringatan untuk tidak mudah menyebarkan perkara yang buruk
 - ➔ Peringatan untuk tidak mengikut jejak langkah syaitan
 - ➔ Perbaiki solat dan mengimarahkan rumah Allah SWT
- 3 kewajipan apabila tersebarnya keburukan; 1) Bersangka baik 2) Dapatkan bukti 3) Tidak tergesa-gesa
- Menjaga kemaluan dengan cara; jaga mata, telinga, mulut, tangan & hati

SURAH FURQAN

Ayat 1-20

- Tema: Al-Quran sebagai pemisah antara yang haq dan yang batil
- Bermula dengan cerita orang musyrikin dan ditutup dengan kisah orang bertaqwa

#tadabbur30
**SINOPSIS
JUZUK 19**

Oleh: Ustaz Hafizul Faiz

Intipati Juzuk:-

- 1) Kepentingan Taqwa
- 2) Kepentingan Syukur
- 3) Allah SWT sebaik-baik perancang

Surah al-Furqan
Ayat 21-77

- Menjawab keraguan dan bantahan mereka yang tidak beriman terhadap al-Quran
- Surah ini ialah amaran dan peringatan keras azab Allah SWT bagi mereka yang menolak kebenaran

Surah asy-Syu'ara'
Ayat 1-227

- Dinamakan dengan nama sebuah industri hiburan pada zaman Rasulullah SAW iaitu kepenyairan
- Penyair ketika itu merupakan golongan yang berpengaruh kerana mampu memukau bangsa Arab dengan pidato mereka
- Allah SWT menbenamkan kebatilan syair dengan kemukjizatan al-Quran yang diturunkan dalam bahasa syair itu sendiri iaitu bahasa Arab
- Surah yang menekankan kepentingan komunikasi dan seni dialog yang memberi kesan sebagai dakwah yang efektif

Surah an-Naml
Ayat 1-55

- Memaparkan ciri-ciri orang beriman
- Al Quran adalah rahmat dan petunjuk bagi orang-orang mukmin; bukan semata-mata arahan daripada Allah SWT

Fokus utama: Kisah Nabi Musa

Diturunkan lebih kurang pada tahun ke-10 kenabian

Bayi yang dikeluarkan daripada perkampungan Bani Israil dan dipisahkan daripada ibunya

Allah SWT sentiasa mengatur kebaikan disebalik setiap perkara yang berlaku.

Hikmah: Mempersiapkan Nabi Musa untuk menumbangkan Firaun.

Sama seperti situasai Rasulullah SAW yang pada ketika itu dihalau keluar. Kisah Nabi Musa sebagai motivasi khas. Baginda juga akan kembali ke Makkah.

Surah al-Qasas
Ayat 1-88

Surah al-Ankabut
Ayat 1-63

#tadabbur30
SINOPSIS JUZUK
20

Oleh:
Ustaz Syaari Ab Rahman

Nama surah disebut dalam ayat 41

al-Ankabut bermaksud labah-labah

Sebagaimana kisah kaum terdahulu (Kisah Nabi Nuh, Nabi Ibrahim, Nabi Lut & Nabi Musa) yang tidak mampu mendapatkan perlindungan daripada sembah mereka apabila datangnya azab Allah SWT.

Allah SWT mengumpamakan mereka yang bergantung kepada selainNya seperti labah-labah yang bergantung kepada sarangnya yang cukup lemah.

Surah Al-Naml
Ayat 56-93

Surah ar-Rum

Ayat 1-60

- ✓ Mengandungi mukjizat al-Quran iaitu pengetahuan Allah SWT mengenai masa depan (Kemenangan Rom keatas Parsi 8 tahun selepas penurunan surah ini)
- ✓ Adanya bukti-bukti kekuasaan Allah SWT
 - Penciptaan manusia
 - Penciptaan langit & bumi

Surah Luqman

Ayat 1-34

- ✓ Wasiat Luqman kepada anaknya yang mengandungi beberapa aspek:-
 - Akidah
 - Ibadah
 - Hidup bermasyarakat
- ✓ Adanya perintah untuk mentaati kedua ibu bapa
- ✓ Tempoh penyusuan bagi seorang bayi dengan ibunya ialah 2 tahun

SINOPSIS JUZUK 21

Oleh: Ustaz Muhaimin

#tadabbur30

Surah as-Sajdah

Ayat 1-30

- ✓ Mengandungi ayat tentang penciptaan manusia
- ✓ Bersyukur kepada Allah SWT dengan cara mentaatinya dan menjauhi larangannya
- ✓ Penyesalan golongan yang tak mentaati perintah Allah di akhirat kelak

Surah al-Ahzab

Ayat 1-30

- ✓ diturunkan selepas perang Ahzab
- ✓ Antaranya isu yang dipaparkan: kedudukan anak angkat
- ✓ Pertolongan Allah SWT kepada pasukan muslimin dalam perang Ahzab

SINOPSIS JUZUK 22

Oleh: Ustaz Syahmi Syazeril

Surah al-Ahzab Ayat 31-73

Allah SWT menjawab keraguan para sahabat mengenai perkahwinan Rasulullah SAW & Saidatina Zainab r.a.

Ayat 49 menyebut tentang hukum talak

Perintah kepada para sahabat untuk menjauhi sikap orang munafik & kafir

Perintah Allah SWT kepada isteri-isteri Rasulullah SAW untuk memelihara syariat

Menjawab dakwaan Quraisy yang mendustakan Rasulullah SAW & Hari Kiamat

Mengajar manusia bahawa segala rezeki yang diperolehi adalah kepunyaan Allah SWT

Negeri Saba' diberi rezeki kemewahan namun kembali syirik selepas era Nabi Sulaiman & Malikatus Saba' lalu dimusnahkan Allah

Surah Saba' Ayat 1-54

Memaparkan kisah tindak balas dua jenis kelompok manusia terhadap kemewahan yang Allah berikan

Surah Fatir Ayat 1-45

Nama surah disebut dalam ayat 1; mengenai ciptaan Allah yang kreatif (tidak pernah sama dengan apa yang diciptakan sebelumnya)

Menegaskan segala konspirasi yang dilancarkan oleh musyrikin Quraisy untuk menghentikan dakwah Rasulullah SAW hanya akan mendatangkan keburukan kepada diri mereka sendiri

Allah SWT membina semula semangat Rasulullah SAW untuk bersabar & terus berdakwah

Surah Yassin Ayat 1-27

memaparkan keagungan al-Quran

3 jenis arah petunjuk yang akan sampai kepada manusia; atas (simbolik kelinggian wahyu), belakang (simbolik sejarah) & depan (simbolik alam)

kisah 3 orang Rasul yang berdakwah kepada Ashabul Qaryah namun ditolak kemudian datangnya seorang lelaki dari hujung kota yang membenarkan imannya & berdakwah kepada Ashabul Qaryah tersebut tetapi akhirnya beliau mati syahid

#tadabbur30

SINOPSIS JUZUK 23

Oleh: Ustaz Syaari Ab Rahman

Surah al-Saffat

Ayat 1-182

- Nama surah ini disebut dalam ayat 1 (malaikat berbaris-baris bersiap menunggu perintah Allah SWT)
- Surah pertama yang bermula dengan sumpah Allah SWT terhadap makhluk yang taat setia tanpa berbelah bagi
- memaparkan barisan para "muhsinin" yang setia dan ikhlas dalam berjuang memelihara dan menyampaikan berita ghaib kepada manusia
- Bertemakan ketaatan mutlak kepada Allah SWT
- Kisah Nabi Ibrahim yang seorang diri bertembung dengan ayahnya dan kaumnya
- Kisah pengorbanan Nabi Ibrahim dan Nabi Ismail
- Teguran Allah SWT kepada Nabi Yunus yang meninggalkan kaumnya

Surah Yassin

Ayat 28-83

- Memberikan motivasi kepada para sahabat untuk melakukan dakwah bersama Rasulullah SAW
- Keseluruhan surah ini memaparkan perjuangan dakwah untuk menyelamatkan mereka yang belum mentauhidkan Allah agar Allah hidupkan hati mereka dengan iman
- Ayat 20: Gesaan Allah SWT kepada para sahabat untuk turut memainkan peranan dalam menyampaikan dakwah
- Hanya Allah SWT yang mampu menghidupkan hati/sesuatu yang mati

Surah Sad

Ayat 1-88

- Pembongkaran Allah SWT mengenai punca-punca kaum kafir menolak dakwah para anbiya' dan para sahabat; iaitu mereka berbangga dengan kemuliaan yang diperolehi dan tidak belajar dari 3 orang nabi yang disebut dalam surah ini iaitu Nabi Daud, Sulaiman, dan Ayyub
- Teladani Nabi Daud dan Nabi Sulaiman yang diberikan kekuasaan lebih hebat namun mereka sentiasa kembali (sujud) kepada Allah SWT dengan setiap nikmat yang diberikan. Nabi Ayyub yang sudah kehilangan segalanya juga tetap kembali kepada Allah SWT.

#tadabbur30

SINOPSIS JUZUK 24

Oleh: Ustaz Affuan

Berkisar prinsip ketauhidan

Permulaan surah bercerita tentang sifat-sifat Allah & bukti kekuasaannya

Diakhiri dengan gambaran balasan kepada yang beriman & kafir

Surah Makiyyah yang turun selepas kematian Abi Talib

Dinamakan Ghafir kerana menyebutkan tentang sifat Allah, Ghaafirudz dzunub (Ayat 3)

Surah ini juga dinamakan sebagai Surah Mu'min kerana adanya kisah seorang lelaki mu'min (dari keluarga Firaun) (Ayat 28)

Nama diambil dari ayat 3; Allah memilih bahasa arab sebagai bahasa al-Quran untuk menjelaskan ilmunya

Allah SWT menyeru manusia untuk sampaikan dakwah dari hati

Diakhiri dengan ketegasan kebenaran al-Quran

Surah az-Zumar

(Para Rombongan)

Ayat 32-75

Ayat 3: Jangan mensyirikkan Allah SWT

Ayat 8: Sifat manusia yang hanya mencari Allah SWT ketika dalam kesusahan

Ayat 9: Galakan Qiyamullail

Ayat 18: Sifat orang yang mendapat hidayah

Galakan mengkaji sejarah untuk membuka minda & hati manusia

Ayat 60: Banyakkan berdoa & mohon petunjuk Allah apabila berdakwah

Pengakhiran surah: mengajar manusia untuk menyesal sekiranya tidak bertaubat

Bertauballah dengan segera walaupun tidak sepenuh taubat

Kesinambungan surah Ghafir; menceritakan tentang orang yang menolak agama Allah

Memaparkan balasan yang diterima oleh mereka yang kafir; didunia (kisah kaum Aad & Tsamud) & akhirat (ayat 19-20)

Berhati-hati dengan syaitan

Surah Ghafir/Mukmin

(Yang Mengampun)

Ayat 1-85

Surah Fussilat

(Yang Dijelaskan)

Ayat 1-46

SURAH AL-SYURA (Musyawarah)

- + Diberi nama bersempena peristiwa Baiah al-Aqabah yang berlaku pada tahun ke-9 kenabian
- + Menghimpunkan kesemua nama 5 orang Rasul Ulul Azmi
- + Bermula dan berakhir dengan pemberitahuan tentang wahyu Allah SWT
- + Tema: Kesatuan ummat boleh dicapai melalui syura
- + Antara topik yang dibincangkan dalam surah ini:
 - Penceritaan tentang Mekah sebagai pusat bumi
 - Sifat zalim penyebab perpecahan
 - Kepentingan menyucikan niat
 - Bala turun disebabkan maksiat
 - Sifat yang perlu ada pada umat Islam
 - Istighfar Malaikat

(Perhiasan) **SURAH AL-ZUKHRUF**

- + Dinamakan bersempena ayat 35; Allah SWT memfikirkan orang yang kufur supaya mereka kembali kepada Allah SWT
- + Menceritakan tentang keimanan kepada Allah SWT yang merupakan pencipta (disebutkan di awal surah) & pemilik alam semesta (disebutkan di penghujung surah)
- + Tema: Peringatan kepada manusia mengenai fitnah dunia & perhiasan yang ada didalamnya
- + Ayat 67: Allah SWT merakamkan perbezaan antara cinta dunia dan cinta kepada Allah SWT. Cinta dunia akan berakhir apabila matinya orang yang mencintainya tetapi cinta kepada Allah kekal abadi

#tadabbur30
SINOPSIS
JUZUK 25
Oleh: Dr. Azrul Azlan

SURAH AL-DUKHAN (Asap)

- + Peringatan dan ancaman keras kepada mereka yang menolak rahmat wahyu dari Allah SWT
- + Bermula dan berakhir dengan penceritaan tentang al-Quran sebagai peringatan
- + Tema: Peringatan kepada manusia supaya tidak tertipu dengan kuasa yang ada
- + Turun selepas peristiwa kemarau yang dahsyat di Makkah yang terjadi seperti yang didoakan oleh Rasulullah SAW agar ia boleh menyebabkan Quraisy percaya bahawa baginda ialah nabi utusan Allah dan supaya mereka gerun lalu kembali kepada Allah SWT.

(Yang Melutut) **SURAH AL-JATHIYAH**

- + Dinamakan al-Jathiyah kerana kesemua manusia akan melutut dihadapan Allah SWT pada Hari Akhirat nanti
- + Tema: Peringatan kepada manusia supaya tidak takabbur, bongkak, meninggi diri apabila mempunyai kedudukan & tidak mengikut hawa nafsu
- + Ayat 23: Allah SWT merakamkan bahawa kesilapan/kesesatan yang dilihat pada seorang yang 'alim adalah merupakan hukuman buat mereka kerana tidak mengamalkan ilmu yang mereka perolehi kerana mengikut hawa nafsu.

#tadabbur30
SINOPSIS JUZUK 26
Oleh: Ustaz Akram Afifi



- Dinamakan al-Ahqaf bersempena dengan nama tempat tinggal kaum 'Aad di Yaman yang telah Allah binasakan mereka.
- Memaparkan keagungan al-Quran
- Menyebutkan tentang sifat ahli Syurga & Neraka
- Kisah kaum 'Aad yang dimusnahkan Allah SWT

Surah al-Ahqaf
(Bukit-bukit pasir)

Surah Muhammad

- Perintah perang keatas mereka yang menolak dakwah Rasulullah SAW
- Ikuti sunnah Rasulullah SAW
- Pengajaran surah:-
 - Memutuskan silaturrahim adalah dosa besar
 - Markas tadabbur adalah di jiwa
 - Orang beriman tahu dimana rumah mereka disurga nanti
 - Memaparkan cabaran & usaha Rasulullah SAW sepanjang menyampaikan dakwah

- Allah SWT merakamkan kisah pembukaan kota Mekah
- Topik yang dibicarakan:-

Surah al-Fath
(Pembukaan)

Surah al-Hujurat
(Bilik-bilik)

- Pertolongan Allah kepada Nabi
- Allah kurniakan ketenangan kepada Nabi dan para sahabat walaupun sedang diuji
- Khabar gembira syurga kepada orang mukmin
- Ganjaran Allah kepada orang mukmin di dunia

- Tema: Akhlak adalah asas pembinaan masyarakat
- Pengajaran surah:-

- Kewajipan beradab kepada Allah SWT & Rasulullah SAW
- Jangan mudah menerima berita daripada seorang yang fasiq
- Garis panduan berinteraksi dengan ujian
- Bersatu menceritakan hakikat Islam
- Menceritakan kesempurnaan ilmu Allah

- Tema: Hari Kebangkitan & Hari Akhirat
- Memaparkan bukti kejadian manusia
- Peringatan tentang Hari Akhirat
- Janji syurga kepada orang mukmin
- Al-Quran menceritakan janji yang baik & yang buruk

Surah Qaf

Surah az-Zariyat
(Angin yang menerbangkan)

- Angin adalah bukti kewujudan akhirat, ia tidak nampak melalui mata namun realitinya wujud
- Ayat 1-23: Janji Allah SWT mengenai hari kiamat pasti berlaku.
- Ayat 24-37: Kisah Nabi Ibrahim dipaparkan sebagai janji Allah SWT yang baik akan berlaku
- Kisah Nabi Luth dipaparkan sebagai gambaran janji Allah yang menggerunkan juga akan berlaku



✘ Allah SWT bersumpah dengan Gunung Tursina (Tempat munajat Nabi Musa & penerimaan Taurat)

✘ Menyebutkan tentang Hari Kiamat; balasan kepada mereka yang tidak beriman

✘ merakamkan balasan syurga yang penuh kenikmatan bagi golongan yang bertaqwa

SURAH AL-TUR

✘ Allah SWT merakamkan perihal Nabi Muhammad SAW yang maksum daripada dosa & lisannya sentiasa terjaga

✘ Memaparkan peristiwa Israk Mikraj

✘ Allah SWT menempelak golongan yang menjadikan tuhan-tuhan selain Allah (iaitu Latta, Uzza, Manat) sebagai sembahan

SURAH AL-NAJM

✘ Mukjizat bulan terbelah adalah tanda dekatnya Hari Kiamat

✘ Allah SWT memberi peringatan dengan memaparkan kisah-kisah kaum terdahulu yang mendustakan kebenaran (Kaum Nuh, 'Aad, Thamud & Luth serta kisah Firaun) untuk manusia mengambil pengajaran daripadanya

SURAH AL-QAMAR

✘ Terdapat 31 kali pengulangan ayat yang sama

✘ Allah SWT rakamkan pelbagai nikmat yang telah dikurniakan, lalu mengapa mendustakannya?

✘ Ayat 46-62: Peringkat syurga pertama

✘ Ayat 62-78: Peringkat syurga kedua

SURAH AL-RAHMAN

✘ Al-Waqiah merupakan salah satu nama Hari Kiamat

✘ Allah SWT memaparkan gambaran Hari Kiamat yang sungguh dahsyat (bumi bergoncang, gunung-ganang hancur lebur menjadi debu)

SURAH AL-WAQIAH

✘ Bermula dengan tasbih

✘ Allah SWT menyebut bahawa dunia ini adalah permainan semata-mata & jangan terleka dengannya

✘ Ada balasan baik menanti mereka yang beriman & sebaliknya bagi yang mendustakan kebenaran

SURAH AL-HADID

Surah al-Mujadalah @ al-Mujadilah (berbantah-bantah)

- Tema : Menerangkan kelebihan ilmu Allah
- Dimulakan menyebut keluasan Ilmu Allah
- Penutup disebutkan tentang Ilmu Allah sejak azali lagi
- Satu-satunya surah setiap ayat menyebut lafaz "ALLAH"
- Menzahirkan Keilmuaan Allah

Surah al-Hasyr @Bani Nadhir (pengusiran)

- Tema : Kekuasaan Allah meninggikan orang mukmin & merendahkan orang musyrikin
- Dimulakan menyebut keluasan Ilmu Allah
- Penutup disebutkan tentang nama-namanya al-Husna
- Isi kandungan surah: Sifat yahudi & munafik, mentaati semua perintah rasul & keagungan al-Quran

Surah al-Mumtahanah @ al-Mumtahinah (wanita yang diuji)

- Tema : Kepentingan memberi kesetiaan (al-Wala`) & berlepas Diri (al-Bara`) dalam islam
- Dimulakan dan diakhirkkan dengan larangan mengambil musuh sebagai teman
- Contoh: Kisah Nabi Ibrahim a.s dengan bapa dan kaumnya

Surah al-Saff (barisan)

- Tema : Menolong agama Allah
- Perpindahan amanah daripada umat Nabi Musa kepada umat Nabi Isa kepada umat Nabi Muhammad
- Allah mengecam sikap "cakap tak serupa bikin"
- Perintah untuk beriman kepada Allah & Rasul serta berjihad dengan harta dan jiwa

Surah al-Jumu` ah (Hari Jumaat)

- Tema :Memelihara syiar & keistimewaan agama Islam
- Satu-satu surah yang menyebut tentang solat jumaat
- Allah menyebutkan tentang masyarakat yang tidak tahu membaca & menulis (ummi)
- Ummi yang paling teruk : tidak mengenal Allah dengan sebenar-benarnya

Surah al-Munafiqun (orang-orang munafiq)

- Tema : Berhati-berhati dengan orang-orang munafiq
- Cerita orang munafiq disebut dalam al-Quran pada lebih 300 ayat dalam 17 surah & surah ini merupakan surah khusus yang menyebutkan tentang sifat munafiqun.
- Sifat munafiq antaranya ialah menipu, penakut & sombong.

Surah al-Taghabun (hari yang didedahkan segala kesalahan)

- Tema : Kerugian orang-orang kafir pada hari akhirat
- Menyebut tentang 6 Rukun Iman
- Menyebut juga tentang 12 nama-nama Allah yang mulia

Surah al-Talaq (talak)

- Tema : Bertaqwa kepada Allah penyebab terpelihara institusi kekeluargaan, masyarakat & ummah
- Merupakan surah yang berkaitan dengan wanita selain dari surah an-Nisa`
- Mengandungi hukum-hakam penceraian yang lebih terperinci

Surah al-Tahrim (pengharaman)

- Tema : Wasiat-wasiat untuk pembentukan keluarga muslim
- Mengandungi kisah wanita solehah seperti Maryam, isteri Firaun & isteri para nabi.
- Mengandungi kisah wanita yang tidak solehah seperti isteri Nabi Nuh & Nabi Luth

Surah al-Mulk (Kerajaan)

- Tema: Hanya Allah yang mempunyai pemerintahan & kerajaan
- Terdapat 15 bukti yang menunjukkan Allah itu Maha Berkuasa

وَهُوَ عَلَىٰ كُلِّ شَيْءٍ قَدِيرٌ → Dan memang Ia Maha Kuasa atas tiap-tiap sesuatu

Surah al-Haqqah (Hari Kiamat)

- Tema: Kiamat adalah sesuatu yang benar & tidak dapat dielakkan
- Penceritaan tentang pembalasan kepada orang mukmin (Ayat 19-24) & orang kafir (Ayat 25-37)

Surah Nuh (Nabi Nuh)

- Tema: Komited dalam berdakwah
- Satu-satu surah yang menyebutkan tentang Nabi Nuh secara terperinci
- Strategi dakwah nabi Nuh yang patut diberi penekanan:-
 - ✓ Kaedah: At-Tarhib @ At-Tarhib
 - ✓ Sasaran: Individu @ Masyarakat
 - ✓ Waktu: Siang @ Malam

Surah al-Muzzammil (Orang yang berselimut)

- Qiyamulail merupakan sumber kekuatan bagi pendakwah
- Perintah Allah kepada nabi:
 - ✓ Solat malam
 - ✓ Tartil membaca al-Quran
 - ✓ Banyak mengingati Allah
 - ✓ Sentiasa bergantung kepada Allah
 - ✓ Sabar atas gangguan musyrikin

Surah al-Qiyamah (Hari Kiamat)

- Tema: Hari kiamat
- 2 jenis kiamat: Kiamat besar (ayat 1-15) & kiamat kecil (Ayat 26-30)
- Dapat melihat wajah Allah SWT merupakan nikmat terbesar ahli syurga

Surah al-Mursalat (Sesuatu yang dikirim)

- Tema: Peringatan-peringatan daripada Allah kepada manusia
- Penegasan kejadian hari pembalasan

وَيَلِّقُ يَوْمَئِذٍ لِلْمُكَذِّبِينَ
✓ Allah bersumpah dengan angin & para malaikat
✓ Diulang 10 kali & merupakan peringatan & amaran kepada manusia yang mengkufuri nikmatNya

Surah al-Qalam (Pena)

- Tema: Dakwah untuk memartabatkan ketinggian akhlak
- Hikmah sumpah dengan al-Qalam: Menunjukkan kepentingan ilmu & penulisan
- Allah SWT memuji akhlak Nabi (Ayat 4)
- Allah mencela akhlak yang buruk (Ayat 10-13)

Surah al-Maa`rij (Kerajaan)

- Tema: Tuntutan untuk mencapai ketinggian darjat iman
- Antara kunci mencapai darjat yang tinggi:-
 - ✓ Solat
 - ✓ Infaq harta
 - ✓ Percaya hari akhirat
 - ✓ Takut azab Allah
 - ✓ Memelihara kemaluan
 - ✓ Menjaga amanah dan janji
 - ✓ Tunai janji
 - ✓ Saksi yang adil

Surah al-Jin (Jin)

- Tema: Jin & manusia merupakan makhluk yang diberi tanggungjawab
- Satu-satu surah yang menyebutkan tentang Jin secara terperinci
- Antara topik dalam surah:
 - ✓ Jin beriman kepada al-quran
 - ✓ Keadaan jin selepas kebangkitan Nabi
 - ✓ Allah mengetahui perkara ghaib
 - ✓ Semua masjid untuk Allah

Surah al-Muddaththir (Orang yang berselimut)

- Tema: Kesungguhan dalam berdakwah
- Dakwah akan sentiasa menghadapi tentangan & gangguan, maka kesabaran sangat diperlukan

Surah al-Insan (Manusia)

- Tema: Potensi manusia untuk menjadi penghuni syurga
- Allah menyebutkan tentang nikmat syurga & azab neraka
- Ciri kelemahan manusia: sesuatu yang tidak disebut sebelumnya, berasal dari air yang hina, diberi ujian
- Ciri kekuatan: boleh mendengar, melihat dan diberi petunjuk



SINOPSIS
JUZUK 29

Oleh: Ustaz Yusof Arbain

تدبير

INSANIAH CANTIK

Surah an-Naba' (Berita penting)

- Tema: Penetapan kejadian hari kebangkitan
- Perkhayaban tentang bukti-bukti kuasa Allah dan bukti hari kebangkitan
- Semua perkara tertulis dalam buku catatan (Ayat 29)

Surah an-Nazi'at (Para pencabut)

- Tema: Peringatan tentang situasi di hari kiamat
- Dua situasi manusia:- berdebar ketakutan dan pandangan yang tertunduk gerun
- Manusia akan dapat mengingati semua amal yang pernah dilakukan (Ayat 35)

Surah 'Abasa (Bermacam muka)

- Tema: Hiburan untuk orang lemah dikalangan orang mukmin
- Manusia akan menjadi sangat sibuk dihari akhirat
- Pengajaran surah: Nilai seseorang itu tidak terletak pada pangkat kebesaran & kekayaan, tetapi pada keimanan & keikhlasan

Surah al-Takwir (Penggulungan matahari)

- Tema: Aman di akhirat dengan mengikut jalan ar-Rahman
- Salah satu surah yang menyebabkan rambut Nabi S.A.W beruban kerana beratnya isi kandungan surah
- Mengandungi 12 sumpah Allah

Surah al-Infitar (Terbelah langit)

- Tema: Amaran tentang tipu daya dunia
- Manusia sentiasa didampingi oleh Malaikat Pencatat Amalan (Ayat 10-12)
- Pembongkaran amalan yang telah dilakukan & juga yang diabaikan

Surah al-Mutaffifin (Orang yang curang)

- Tema: Ketinggian akhlak dalam Islam
- Cerita tentang orang yang curang dalam timbangan
- Buku catatan amalan manusia; Al-Fujjar (orang yang derhaka) terletak di Sijjin & Al-Abrar (orang yang taat) terletak di Illiyin

Surah an-Insyiqaq (Terbelah langit)

- Tema: Pembongkaran amalan di akhirat
- Penerima buku amalan dari sebelah kanan, hisabnya diringankan & sebaliknya
- Salah satu surah yang dicadangkan Nabi SAW untuk dipelajari dan difahami

Surah al-Buruj (Gugusan bintang)

- Tema: Berpegang teguh dengan aqidah
- Allah SWT memaparkan kisah benar tentang tentang penggali parit dengan seorang budak lelaki.

Surah at-Tariq (Yang dapat dilihat pada malam hari)

- Tema: Kejadian manusia merupakan bukti keesaan Allah SWT
- Allah SWT menyebutkan hakikat hari akhirat
- Segala rahsia & isi hati akan dibuka pada hari akhirat

Surah al-A'la (Yang Maha Tinggi)

- Tema: Peringatan kepada orang mukmin tentang kehidupan akhirat
- Allah SWT mengingatkan bahawa kehidupan akhirat lebih baik dan kekal berbanding dunia (ayat 16)

Surah an-Ghashiyah (Hari Kiamat)

- Tema: Peringatan balasan kepada orang yang taat & orang yang kafir
- Balasan kepada orang yang taat (Ayat 8-16)
- Balasan kepada orang yang kafir (Ayat 2-7)

Surah al-Fajr (Waktu fajar)

- Tema: Pengawasan daripada Allah SWT
- Kisah 3 kaum yang telah Allah SWT musnahkan:- Kaum Aad, & Thamud serta Firaun & pengikutnya
- 4 ciri penghuni neraka;- Tidak memuliakan anak yatim & memberi makan kepada mereka, makan harta warisan secara batil serta cinta harta berlebihan

Surah al-Balad (Negeri)

- Tema: Dunia tempat ujian dan kesusahan
- Allah SWT menyebutkan dua golongan manusia
- Ciri golongan kanan (Ashabul maimanah)
- (Ayat 13-18)
- Ciri golongan kiri (Ashabul mash'amah) (Ayat 19)

Surah al-Syams (Matahari)

- Tema: Pengucian jiwa antara kejayaan dan kerugian
- Mengandungi **11 sumpah** Allah SWT
- Allah SWT memberi penegasan tentang kejayaan orang yang mensucikan jiwanya & kerugian orang yang mengotori jiwanya (Ayat 9-10)

Surah al-Lail (Malam)

- Tema: Pemurah & Bakhil
- Jalan mudah kesyurga: **Infaq, Taqwa, Membenarkan perkara yang baik**
- Jalan susah kesyurga: **Bakhil, Merasa cukup serba serbi, Tidak membenarkan perkara yang baik**

Surah ad-Dhuha (Waktu Dhuha)

- Tema: Perhatian Allah SWT kepada RasulNya
- Kandungan surah: **dua sumpah, tiga berita gembira, tiga nikmat, tiga pesanan**

Surah al-Syrah (Kelapangan)

- Tema: Nikmat-nikmat Allah SWT keatas nabiNya
- Nikmat yang sangat besar didunia selepas nikmat iman ialah **dilapangkan dada**.
- Nikmat yang besar di akhirat pula ialah **dihapuskan dosa**.

Surah al-Tin (Buah Tin)

- Tema: Manusia sebaik baik penciptaan
- Manusia akan kekal menjadi **sebaik-baik penciptaan** sekiranya ia beriman dan beramal soleh
- Manusia akan menjadi **seburuk-buruk kejadian** sekiranya ia tidak beriman dan tidak beramal soleh

Surah al-'Alaq (Segumpal darah)

- Tema: Kemuliaan manusia dengan Ilmu & Ibadah
- Banyakkan **bersujud** & solat merupakan amalan yang bagus untuk mendekatkan diri kepada Allah SWT

Surah al-Qadr (Kemuliaan)

- Tema: Kelebihan malam al-Qadr
- Nilai malam lailatulqadar ini bersamaan dengan **1000 bulan**

Surah al-Bayyinah (Bukti yang nyata)

- Tema: Agama Allah hanyalah satu (Islam)
- Allah SWT menyebut bahawa inti utama ibadah ialah ikhlas hanya keranaNya.

Surah al-Zalzalah (Kecongangan)

- Tema: Hisab di hari akhirat sangat terperinci
- Segala amal yang dilakukan akan dihisab samada amal baik atau buruk walaupun **sebesar zarah**

Surah al-'Adiyat (Kuda perang)

- Tema: Penyebab kecelakaan manusia
- Antara penyebab utama manusia mendapat kebinasaan di akhirat ialah kerana kufur nikmat

Surah al-Qari'ah (Hari Kiamat)

- Tema: Situasi di hari kiamat
- **Situasi pertama:** Golongan yang amal baiknya lebih berat
- **Situasi kedua:** Golongan yang amal buruknya lebih berat

Surah al-Takathur (Bermegah-megah)

- Tema: Ancaman Allah kepada yang lalai kepada akhirat
- Punca lalai: Panjang angan-angan, urusan dunia (jual beli) dan harta & anak-anak

Surah al-'Asr (Masa/Waktu)

- Tema: Kerugian & kejayaan yang sebenar
- 4 ciri orang yang beruntung: Beriman, beramal soleh, berpesan kepada kebaikan dan kesabaran

Surah a-Humazah (Pengumpat)

- Tema: Manusia yang tertipu dengan harta benda
- Tipu daya harta menyebabkan manusia menghabiskan masa mengumpul harta & lalai memikirkan kehidupan akhirat

Surah al-Fil (Gajah)

- Tema: Kurniaan Allah SWT terhadap orang Quraisy
- Kisah tertera bergajah yang dibinasakan
- Sebagai amaran Allah SWT kepada Quraisy

Surah Quraisy (Suku Quraisy)

- Tema: Kemuliaan orang Quraisy yang pandai berdagang
- Umat yang Allah muliakan sehingga mereka selamat untuk berdagang pada musim sejuk dan musim panas

Surah al-Ma'un (Bantuan)

- Tema: Peringatan tentang hak Allah & hak manusia
- Hak terhadap Allah : ibadat solat
- Hak terhadap manusia: zakat, sedekah & kebajikan

Surah al-Kauthar (Nikmat yang banyak)

- Tema: Kurniaan Allah SWT ke atas nabiNya
- 2 ibadah yang mulia: solat keranaNya dan korban binatang ternakan

Surah al-Kafirun (Orang-orang kafir)

- Tema: Menjauhi diri dari kesyirikan
- Salah satu daripada tiga surah yang Allah SWT namakannya dengan nama kumpulan manusia

Surah al-Nasr (Pertolongan)

- Tema: Petanda hampirnya ajal Nabi SAW
- Sumber kemenangan adalah daripada Allah SWT
- Kemenangan yang hakiki ialah apabila manusia masuk Islam secara berbondong-bondong

Surah al-Masad (Sabut)

- Tema: Balasan terhadap musuh-musuh Islam
- Musuh Islam terdiri daripada kalangan kaum kerabat dan juga orang luar

Surah al-Ikhlâs (Ikhlas)

- Tema: Mentauhidkan Allah SWT
- 5 sifat Allah SWT: Tiada sekutu bagiNya, tidak berhajat kepada makhluk, tiada permulaan dan pengakhiran & tiada yang serupa denganNya.

Surah al-Falaq (Waktu Subuh)

- Tema: Perlindungan kepada Allah dari kejahatan dunia
- 4 kejahatan : Makhluk-makhluk, waktu malam, perbuatan (penyihir) & jiwa (hasad)

Surah al-Nas (Manusia)

- Tema: Perlindungan kepada Allah dari perkara yang boleh merosakan agama
- Perkara yang merosakkan agama iaitu perasaan was-was yang datang daripada syaitan